



JABATAN PERANGKAAN RANGKA KAEDAH PUNGUTAN MAKLUMAT LEBIH MODEN, PRAKTIKAL MENERUSI ICT

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Jabatan Perangkaan telah merangka pelbagai kaedah pungutan maklumat yang lebih moden dan praktikal menerusi ICT bagi menjamin pengeluaran maklumat lebih pantas dan boleh dipercayai.

Timbalan Ketua Perangkawan (Program Ekonomi) jabatan itu, Omi Kelsom Elias berkata kaedah pungutan maklumat secara mengisi sendiri melalui e-survey dan e-mel merupakan antara inisiatif berkenaan selain mengisi sendiri menggunakan telefon dan faks.

"Jabatan berharap responden dapat menyokong usaha jabatan dan menggunakan fasiliti serta kemudahan yang disediakan untuk kebaikan bersama," katanya ketika merasmikan Seminar Kepentingan Statistik Sosial Ke Arah Transformasi Pembangunan Negara di sini hari ini.

Teks ucapan beliau difaks kepada Bernama hari ini. Kira-kira 180 orang termasuk wakil pengurusan bangunan, persatuan penduduk, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan menghadiri seminar itu.

Omi Kelsom juga berharap komitmen dan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan pengeluaran maklumat lebih pantas dan boleh dipercayai.

Beliau berkata sejumlah 39 tajuk laporan perangkaan dikeluarkan jabatan itu dan boleh dimuat turun secara percuma di laman sesawang www.statistics.gov.my.

-- BERNAMA